

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KE-EMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHOW KON YEOW [BAGAN SERAI]

TARIKH : 1 JULAI 2019 (ISNIN)

SOALAN : 7

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan status permohonan mesyuarat membabitkan tiga pihak iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Kedah dan Kementerian berhubung pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP). Apakah perkembangan terkini membabitkan cadangan pembinaan KXP dan juga dua proposal lapangan terbang baru yang telah dibentangkan kepada Pejabat Perdana Menteri pada awal tahun ini.

JAWAPAN:

Tuan Yang DiPertua,

1. Mesyuarat Jawatankuasa Tindakan Pembangunan Kementerian Pengangkutan yang telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian pada 24 Januari 2019 telah memutuskan supaya kertas cadangan pembinaan Lapangan Terbang Antarabangsa Kulim (KXP) dibentangkan oleh Kerajaan Negeri Kedah kepada Majlis Perancang Fizikal Negara (MPFN) yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri untuk pertimbangan Kerajaan. MPFN akan meneliti cadangan pembinaan KXP ini dan akan mengemukakan nasihat berkaitan seperti mana yang dikehendaki di bawah Akta Perancangan Bandar dan Desa (Pindaan 2017). Kementerian Pengangkutan seterusnya akan mempertimbangkan permohonan pembinaan KXP setelah mengambil kira nasihat daripada MPFN tersebut.

2. Mesyuarat Menteri Besar dan Ketua Menteri ke-133 yang dipengerusikan oleh YAB Perdana Menteri pada 26 Februari 2019 seterusnya telah bersetuju supaya Kementerian Pengangkutan mengadakan perbincangan bersama-sama Kerajaan Negeri Kedah dan Kerajaan Negeri Pulau Pinang berhubung cadangan pembangunan KXP tersebut. Mesyuarat membabitkan tiga pihak iaitu Kerajaan Negeri Pulau Pinang, Kerajaan Negeri Kedah dan Kementerian berhubung pembinaan telah diadakan di Kementerian Pengangkutan pada 28 Mei 2019. Mesyuarat ini telah dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan. Mesyuarat ini telah membincangkan cadangan pembinaan KXP untuk makluman lanjut Kerajaan Negeri Pulau Pinang.

NO. SOALAN : 7

3. Berhubung cadangan pembinaan lapangan terbang baharu di Pulau Pinang seperti yang telah disiarkan di akhbar The Star pada 10 Jun 2019 lalu, Kementerian Pengangkutan tidak pernah dimaklumkan mengenai cadangan-cadangan ini dan tidak pernah dilibatkan dalam sebarang perbincangan mengenainya. Kementerian juga tidak pernah menerima sebarang kertas cadangan berkaitan dengannya.